

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, APRIL 2025

**Nilai jualan Perdagangan borong & runcit Malaysia mencapai
RM151.7 bilion pada April 2025, meningkat 4.7 peratus**

PUTRAJAYA, 13 JUN 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, APRIL 2025**. Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM151.7 bilion pada April, merekodkan pertumbuhan 4.7 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan rasmi, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, menyatakan bahawa peningkatan dalam jualan Perdagangan borong dan runcit pada April 2025 didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Subsektor Perdagangan borong mencatatkan jumlah jualan RM67.3 bilion, merekodkan peningkatan sebanyak RM3.5 bilion atau 5.5 peratus tahun ke tahun, yang menunjukkan kestabilan aktiviti perniagaan di seluruh rantai bekalan. Subsektor Perdagangan runcit mencatatkan RM66.8 bilion, meningkat sebanyak RM3.0 bilion atau 4.7 peratus

tahun ke tahun, selaras dengan peningkatan perbelanjaan pengguna sempena Hari Raya Aidilfitri. Subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan jualan sebanyak RM17.6 bilion, dengan peningkatan tahun ke tahun sebanyak RM0.4 bilion atau 2.1 peratus.

Seiring dengan pertumbuhan sektor perdagangan, transaksi pembayaran digital di Malaysia mencatatkan peningkatan kukuh tahun ke tahun pada April 2025. Transaksi wang elektronik (*E-money*) melonjak sebanyak 68.7 peratus kepada RM19.7 bilion, mencerminkan penggunaan yang lebih tinggi dalam pembayaran mikro dan runcit. Transaksi melalui *Real-time Retail Payments Platform* (RPP) berjumlah RM277.8 bilion, kekal sebagai kaedah pembayaran dengan nilai transaksi tertinggi. Sementara itu, transaksi FPX meningkat sebanyak 25.4 peratus kepada RM35.5 bilion, disokong oleh aktiviti perbankan dalam talian yang lebih rancak. Transaksi kad kredit kekal stabil pada RM17.7 bilion, manakala transaksi kad debit merekodkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus kepada RM13.3 bilion. Data ini menunjukkan perkembangan berterusan dalam penggunaan pembayaran digital, selari dengan perubahan corak transaksi serta integrasi digital yang semakin meluas dalam ekosistem pembayaran di Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan, Jualan borong makanan, minuman & tembakau merekodkan peningkatan sebanyak 7.5 peratus tahun ke tahun kepada RM13.9 bilion. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan jualan dalam industri daging, unggas, telur, tenusu dan sayur-sayuran. Jualan borong barangan isi rumah turut mencatatkan prestasi positif, berkembang sebanyak 6.6 peratus kepada RM14.2 bilion. Selain itu, Lain-lain pengkhususan jualan borong menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini dengan peningkatan sebanyak 2.8 peratus kepada RM24.6 bilion. Sementara itu, Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.8 peratus tahun ke tahun, mencapai

RM5.4 bilion. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh peningkatan jualan dalam Jualan borong perkakasan komputer, perisian dan peranti, termasuk peralatan telekomunikasi dan telefon bimbit.

Mengulas prestasi subsektor Perdagangan runcit, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menjelaskan bahawa Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun kepada RM25.7 bilion, didorong oleh peningkatan jualan di kedai runcit, pasar mini dan kedai serbaneka. Jualan runcit di kedai pengkhususan turut merekodkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus kepada RM14.1 bilion. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual bahan api kenderaan pula meningkat sebanyak 5.6 peratus kepada RM6.2 bilion, dipacu oleh peningkatan perjalanan antara bandar dan aktiviti rumah terbuka sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu, Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan komunikasi dan maklumat merekodkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus kepada RM5.2 bilion, yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh Jualan runcit komputer, peralatan dan kelengkapan komputer. Sementara itu, Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan lain isi rumah meningkat 3.6 peratus kepada RM7.5 bilion, yang seterusnya menggambarkan momentum pertumbuhan yang berterusan dalam subsektor Perdagangan runcit.

Dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan jualan berbanding tahun sebelumnya, disokong oleh kenaikan 13.4 peratus dalam Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal kepada RM1.1 bilion. Ini diikuti dengan pertumbuhan 2.5 peratus dalam Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor, yang mencecah RM5.1 bilion. Trend yang sama turut dilaporkan oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA), yang merekodkan jualan sebanyak 60,527 unit kenderaan berbanding 59,905 unit kenderaan pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

melaporkan sejumlah 64,485 pendaftaran kenderaan, lebih tinggi berbanding 62,959 pendaftaran yang direkodkan tahun lalu.

Jualan runcit dalam talian pada April mencatatkan peningkatan dengan indeks meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun. Namun begitu, selepas pelarasan musim, indeks merekodkan penurunan -1.2 peratus bulan ke bulan.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan kenaikan 4.3 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 6.6 peratus diikuti oleh Perdagangan runcit dengan peningkatan 3.4 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan marginal 0.8 peratus pada bulan ini. Sebaliknya, selepas pelarasan musim, indeks volum mencatatkan penurunan bulanan -0.3 peratus berbanding Mac 2025.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198n negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu,


Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualan Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kenderaan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Dalam Talian



**Jadual 1: Platform Pembayaran di Malaysia
(Januari 2024 – April 2025)**

Tahun	Bulan	Instrumen Pembayaran			Sistem Pembayaran				
		Kad Kredit	Kad Debit	<i>E-money</i>	(RM bilion)				
					<i>Interbank GIRO</i>	FPX	<i>Direct Debit</i>	JomPAY	RPP
2024	Jan.	18.8	12.4	11.6	139.1	31.0	6.2	5.0	229.6
	Feb.	17.3	12.5	11.5	120.9	27.6	5.8	4.8	207.5
	Mac	17.8	13.4	11.8	128.5	32.1	6.3	4.7	229.2
	Apr.	16.8	12.7	11.7	129.4	28.3	6.7	4.7	229.4
	Mei	17.7	13.0	12.6	135.4	32.3	6.3	4.8	240.6
	Jun	17.1	12.7	12.7	118.9	28.0	5.6	4.6	230.4
	Jul.	17.7	12.6	13.4	138.5	33.5	6.8	5.2	256.1
	Ogos	17.8	12.7	14.2	133.9	34.3	6.0	5.2	254.7
	Sep.	17.9	12.6	14.7	126.8	31.7	5.9	4.7	244.2
	Okt.	18.5	13.2	15.8	132.6	31.9	6.4	4.9	262.6
	Nov.	18.2	12.6	16.2	130.3	34.5	6.2	4.7	261.0
	Dis.	20.5	14.7	17.9	143.5	35.0	6.8	4.9	294.1
2025	Jan.	20.1	14.9	19.5	142.0	38.6	6.4	5.0	290.7
	Feb.	16.8	12.7	17.3	118.1	32.9	6.0	4.9	250.3
	Mac	19.1	15.6	20.3	140.3	40.4	6.4	4.9	297.7
	Apr.	17.7	13.3	19.7	130.0	35.5	7.3	4.7	277.8
Tahun ke Tahun (%)									
2025	Jan.	6.8	19.9	68.2	2.1	24.6	3.5	-1.0	26.6
	Feb.	-2.6	1.8	50.7	-2.3	19.3	3.8	2.8	20.6
	Mac	7.0	16.2	71.2	9.2	25.9	1.4	3.5	29.9
	Apr.	5.5	4.5	68.7	0.5	25.4	9.1	0.8	21.1

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

**Jadual 2: Agregat Kewangan M1 di Malaysia
(Januari 2024 – April 2025)**

Tahun	Bulan	M1 (RM bilion)	Tahun ke Tahun (%)
2024	Jan.	639.2	6.4
	Feb.	639.9	6.9
	Mac	645.3	8.0
	Apr.	638.5	7.1
	Mei	635.4	6.8
	Jun	642.1	6.4
	Jul.	636.8	7.2
	Ogos	637.5	6.0
	Sep.	644.9	6.0
	Okt.	645.2	4.5
	Nov.	655.0	4.9
	Dis.	666.5	4.4
2025	Jan.	663.3	3.8
	Feb.	661.9	3.4
	Mac	667.5	3.4
	Apr.	662.9	3.8

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 JUN 2025